



MERIAH ... Sekitar kemuncak acara sambutan WOTCM.

## Acara kemuncak WOTCM UMS disambut meriah

NST 22.7.2017 8

KOTA KINABALU: Acara kemuncak sambutan World Oceans & Coral Triangle Month (WOTCM) berlangsung meriah di Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini dengan kehadiran orang ramai yang tidak putus-putus bagi mengikuti setiap aktiviti yang diadakan.

Pelbagai acara menjadi tumpuan seperti 7KM Ocean Edu-Walk, car boot sale, face painting, buggy ride, pertandingan melukis dan kuiz.

Hari Terbuka Akuarium dan Muzium Marin UMS yang diadakan sempena WOTCM itu juga menerima kebanjiran orang awam sejak ia dibuka dari pukul 8.00 pagi sehingga pukul 4.00 petang.

Tinjauan media mendapati, rata-rata pengunjung hadir bersama keluarga masing-masing bagi menikmati cuti hujung minggu dengan sebaiknya.

WOTCM tersebut merupakan anjuran bersama Institut Penyelidikan Marin Borneo

(IPMB) UMS, Pejabat Inisiatif Segitiga Terumbu Karang (CTI) Sabah dan Pusat Pengurusan Ecocampus UMS bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan pemeliharaan laut dan hidupan marin.

Sambutan itu telah diadakan selama sebulan bagi menyokong inisiatif mengurangkan penggunaan plastik dalam aktiviti harian manusia sekali gus mengelakkan pencemaran plastik yang membahayakan hidupan marin daripada terus berlaku.

Dengan tema "Our Oceans, Our Future", sambutan itu turut melibatkan murid-murid sekolah rendah dan menengah serta komuniti pesisir laut di Kampung Ambong, Kota Belud melalui sesi ceramah kesedaran tentang perihal pentingnya pemeliharaan hidupan marin.

Turut mengisi program selama sebulan itu ialah pameran khas WOTCM, kuiz dan pertandingan fotografi yang dibuka kepada orang ramai.